

## Persiapan konsert antidadah lancar 10

KONSERT antidadah besar-besaran yang pertama kali dianjurkan di sini tidak akan dibatalkan dan tiket-tiket untuk menontonnya masih dijual di pasaran.

Malah, penganjur bersama konsert tersebut, ABE Baker Artworks dan Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), giat membuat persiapan terakhir bagi konsert itu Jumaat ini di Stadium Tertutup Singapura, Kallang.

Demikian menurut pengurus ABE Baker Artworks, Encik Idrus Khan Surattee, sebagai menolak berita angin yang mendakwa konsert itu telah dibatalkan dan tiket telah habis dijual.

"Kesemua berita angin itu mungkin sengaja diadakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu konsert ini terjejas.

"Kami tidak tahu puncanya. Tetapi, yang jelas ialah mereka berbuat demikian mungkin kerana niat tidak baik," tambahnya.

Menurut Encik Idrus, beliau banyak menerima panggilan telefon yang mendakwa konsert tersebut akan dibatalkan kerana penaja telah menarik diri.

Ada pula yang bertanya sama ada tiket-tiket untuk menonton konsert itu telah habis dijual.

Konsert yang menelan be-



**ACARA SIMBOLIK MEMBANTERAS DADAH:** Sekumpulan pesilat sedang berlatih untuk acara memecahkan genting yang disertakan dengan nama-nama pelbagai jenis dadah seperti ganja, heroin dan kokain dalam konsert antidadah.

**- 2 MAY 1990**

NARKOTIK SINGAPURA lanja kira-kira \$120,000 itu antara lain menampilkan persembahan dua kumpulan rok terkemuka — Wings dan Search.

FINCH / SILAT Mesej antidadah akan diselenggarakan antara persembahan muzik rok itu oleh para pesilat yang mewakili sembilan perguruan yang diselenggarakan oleh Perwanit.

Malah, satu persembahan silat yang diadakan dengan lagu rok dijangka menarik perhatian penonton.

Tidak kurang menarik ialah acara simbolik membanteras dadah dengan para pesilat menunjukkan satu persembahan memecahkan genting yang disertakan dengan nama-nama pelbagai je-

nis dadah seperti ganja, heroin dan kokain.

Turut disertakan ialah satu pameran antidadah di kawasan pintu masuk menuju ke dewan stadium tersebut.

Sebahagian daripada hasil pendapatan konsert tersebut akan didermakan kepada Perkhidmatan Menasihat Muslim-Persatuan Anti-

Narkotik Singapura (MCS: Sana) dan rumah tumpangan Perintis yang dikelolakan oleh Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis).

Tiket-tiket bagi menyaksikan konsert itu boleh didapati di Kampung Melayu Geylang Serai dan Centrepoint.